

Headline	Kerajaan jimat kos elektrik RM174 juta setahun		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	2	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	99 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 861
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,583



Kerajaan jimat kos elektrik RM174 juta setahun

KUALA LUMPUR - Kerajaan mampu menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM174 juta setahun apabila kos utiliti elektrik di semua premis kerajaan di seluruh negara dikurangkan sebanyak lima peratus berkuat kuasa hari ini.

Sumber Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkata, angka itu diperoleh berdasarkan purata perbelanjaan mengurus utiliti elektrik untuk semua kementerian, jabatan dan agensi di Semenanjung.



KERATAN Kosmo! semalam.

“Berdasarkan rekod terkini TNB pada tahun 2013, secara purata perbelanjaan bagi mengurus kos utiliti elektrik kerajaan adalah sebanyak

RM289 juta sebulan.

“Bagaimanapun, jumlah itu hanya melibatkan kos utiliti elektrik di Semenanjung yang diuruskan oleh TNB tidak termasuk Sabah dan Sarawak,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai langkah yang dilaksanakan kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam termasuk pengurangan lima peratus kos utiliti elektrik.

Mengulas lanjut, sumber itu berkata penjimatan itu tidak termasuk jumlah selepas kenaikan kadar tarif elektrik yang akan dilaksanakan tahun ini sebanyak 15 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin mengumumkan 11 langkah yang akan dilaksanakan kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula 1 Januari 2014 termasuk mengurangkan penggunaan utiliti elektrik di semua premis kerajaan.